



Institut CECE

## Garis Panduan Permohonan Pinjaman Perlajaran Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

### SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- Warganegara Malaysia.
- Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh memohon;
- Telah mendaftar kursus **Diploma** sepenuh masa di Institut CECE.
- Baki tempoh pengajian semasa memohon **tidak kurang dari satu tahun**.
- Tidak mempunyai penaja atau penganjur lain.


### JUMLAH TAWARAN PTPTN

Jumlah tawaran pembiayaan PTPTN **MAKSIMUM**  
bagi pelajar CECE - **Diploma (Sastera)** **RM 8,000 setahun**

- Kelulusan jumlah tawaran pembiayaan PTPTN adalah bergantung kepada pendapatan bersih ibubapa/penjaga pelajar.
- Pelajar mesti berjaya meneruskan pengajiannya dan memperoleh **keputusan peperiksaan GPA 2.000** atau ke atas pada setiap semester untuk layak menerima pembiayaan PTPTN yang berterusan sepanjang tempoh pengajian.

### BAGAIMANA MEMOHON PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PTPTN?

1. Pemohon **wajib** untuk membuka akaun **SSPN-i** dengan simpanan minimum sebanyak RM20 di kaunter Maybank.
2. Pemohon perlu membuka **akaun simpanan individu** di **Public Bank**.
3. Pemohon perlu **membeli nombor pin PTPTN** di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) dengan harga RM5.00 sebelum memohon PTPTN secara *on-line*.
4. Pemohon perlu mendaftar dengan menggunakan nombor pin PTPTN yang dibeli di BSN di laman web:- <http://www.ptptn.gov.my/gateway/>. Selepas itu, pemohon perlu mendaftar masuk dan memohon PTPTN secara *on-line*. (*Pemohon perlu menyemak tarikh mula & tarikh tutup permohonan PTPTN di papan notis PTPTN*)
5. **MENYEMAK** status permohonan PTPTN di laman web:- <http://www.ptptn.gov.my/gateway/>. (*Pemohon perlu menyemak tarikh kelulusan permohonan PTPTN di papan notis PTPTN*)
6. Pemohon yang berjaya ditawarkan pembiayaan PTPTN perlu **MENCETAK** dokumen Perjanjian Pembiayaan PTPTN di laman web:- <http://www.ptptn.gov.my/gateway/>
7. Pemohon yang berminat untuk menghadiri sesi taklimat untuk mengisi dokumen perjanjian perlu terlebih dahulu mendaftar diri di Pejabat Pentadbiran CECE. Sila membawa item berikut untuk sesi taklimat:-
  - **2 set DOKUMEN PERJANJIAN PEMBIAYAAN PTPTN.**
  - **1 set MAKLUMAT PERMOHONAN PEMBIAYAAN PTPTN.**
  - **1 set DOKUMEN SOKONGAN.**
  - **2 keping SETEM HASIL** yang bernilai **RM10** setiap satu.



8. Pemohon yang berjaya **MESTI menghantar dokumen yang lengkap kepada Pegawai PTPTN melalui pihak Institusi**. Dokumen Perjanjian Pembiayaan PTPTN yang dihantar secara terus ke PTPTN tanpa melalui pihak Institusi akan **DITOLAK**. (*Pemohon perlu menyemak tarikh sesi kutipan dokumen perjanjian PTPTN di papan notis PTPTN*)

#### **DOKUMEN SOKONGAN**

Setiap permohonan mesti dilampirkan bersama **SATU SALINAN** dokumen sokongan **yang BERSAIZ A4** seperti berikut:-

1. Kad pengenalan pemohon.
2. Surat tawaran Institut CECE.
3. **Sijil SPM**. (Bagi yang mengemukakan salinan slip keputusan peperiksaan SPM, hanya slip yang tidak melebihi tempoh 2 tahun dari tahun peperiksaan diambil boleh diterima pakai).
4. Slip gaji terkini / Kad Pesara Kerajaan / Borang EA/EC ibubapa/ penjaga.  
**Ibubapa/ penjaga yang tidak mempunyai sebarang dokumen sokongan pendapatan perlu mengisi BORANG PENGESAHAN PENDAPATAN** yang boleh dimuat turun di laman web <http://www.ptptn.gov.my> atau <http://www.cece.edu.my>
5. Buku akaun simpanan individu Public Bank.
6. Kad/ slip akaun SSPN-*i*.
7. Transkrip keputusan peperiksaan/ sijil kelayakan masuk lain. Contoh: STPM/ Sijil/ Diploma
8. Surat Pengesahan Masih Belajar daripada Sekolah di CECE dan salinan keputusan peperiksaan setiap semester sebelumnya. (**Bagi pemohon yang mengemukakan permohonan pada semester 2 dan ke atas**).

#### **SAKSI PENERIMA BIAYA**

**“Saksi Penerima Biaya”** boleh dibuat oleh individu berikut:-

1. Semua pegawai kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan ke atas;
2. Pengetua SMK/ Guru Penolong Kanan SMK/ Ketua Bidang SMK/ Penyelia Petang SMK/ Guru Besar Sekolah Kebangsaan;
3. Pesuruhjaya Sumpah dan Jaksa Pendamai;
4. Ahli Parlimen/ ADUN;
5. Penghulu/ Ketua Kampung/ Ketua Masyarakat/ Pengurus JKKK;
6. Polis berpangkat ASP dan ke atas, Pegawai Tentera berpangkat Kapten atau Setaraf dan ke atas;
7. Ketua Kaum/ Ketua Anak Negeri/ Kapitan/ Pemanca.
8. \* **Cop pegawai hendaklah mempunyai nama dan jawatan pegawai serta jabatan/ alamat.**  
\* **Tandatangan bagi pihak (b/p) tidak dibenarkan.**
9. **Pembayaran hanya akan dibayar kepada pelajar yang berjaya melengkapkan Dokumen Perjanjian Pembayaran PTPTN.**

Jika ada pertanyaan yang lain, sila rujuk ke PTPTN Portal (<http://www.ptptn.gov.my/web/guest/faq/pinjaman/am>).